



SEORANG peserta memberi penerangan mengenai produknya kepada Wan Suraya (dua dari kiri) pada Ekspo Kerjaya dan Keusahawanan UPM 2019 di UPM, Serdang baru-baru ini.



WAN SURAYA (dua dari kanan) bersama Norashikin (dua dari kiri) ketika melawat gerai-gerai usahawan pada Ekspo Kerjaya dan Keusahawanan UPM 2019 baru-baru ini.

Lebih 17,000 graduan dari 12 universiti tempatan telah mendaftar

# PROTÉGÉ capai sasaran

Oleh NUR AMALIA AZRI AZZARUDDIN

**S**ERDANG – Lebih 17,000 graduan dari 12 buah universiti tempatan telah berdaftar di bawah Agensi Professional Training & Education for Growing Entrepreneurs (PROTÉGÉ) dalam program latihan keusahawanan dan kebolehpasaran oleh Kementerian Pembangunan Usahawan (MED).

Ketua Setiausaha MED, Datuk Wan Suraya Wan Mohd. Radzi berkata, menerusi program tersebut, para graduan

akan dilatih untuk meningkatkan kemahiran, pengalaman dan ilmu pengetahuan dalam bidang keusahawanan.

Menurut beliau, ia seterusnya melahirkan lebih ramai usahawan yang kompetitif dan bersedia ke pasaran global.

“Selain itu, kita ada banyak sasaran di bawah dasar keusahawanan negara yang perlu dicapai pada pertengahan tahun ini, yang merupakan usaha untuk melahirkan dan membimbing lebih banyak usahawan daripada graduan,” katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Terdahulu beliau menghadiri Ekspo Kerjaya dan Keusahawanan di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan Dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini baru-baru ini.

Sementara itu, Ketua Sekretariat PROTÉGÉ, Norashikin Ismail berkata, sasaran program ialah 14 buah universiti tempatan dan setakat ini ia telah dianjurkan di 12 buah universiti tempatan.

Norashikin berkata, tujuan program

tersebut diadakan adalah untuk mendedahkan berkenaan fungsi MED di samping untuk membantu menangani isu kekangan pekerjaan dalam kalangan graduan lepasan universiti.

“Oleh itu, golongan graduan sepatutnya mengambil peluang untuk membuka ruang minda bahawa menjadi usahawan juga boleh menjadi alternatif bagi mencari rezeki yang baik dan jika menjadi pekerja jadilah pekerja yang dapat memenuhi keperluan industri semasa,” katanya.